

BAB TIGA

BAB TIGA

KATA ADJEKTIF DALAM BAHASA ARAB

3.0 Pendahuluan

Bab ketiga ini akan menjelaskan definisi KA dalam BA, penjenisan dan pembentukan KA yang terbahagi kepada KA makna, KA lafaz dan KA derivasi., dan ciri-ciri khusus KA dalam BA iaitu persamaan gender, bilangan dan *l'rah*.

3.1 Definisi Kata Adjektif

KA atau kata sifat dalam BA mempunyai ciri-ciri tertentu yang dikaitkan dengan rujukan, iaitu kata nama tertentu sama ada berjisim atau abstrak. Menurut Mustafa al-Ghalayiniy (1997 : 97), kata sifat ialah ciri tertentu yang disebut selepas kata nama untuk menyifatkan kata nama tersebut atau menyifatkan ciri-ciri perkataan tertentu yang berkaitan dengan kata nama tersebut. Muhammad Husni al- Maghalisah (1997 : 387) pula berpendapat kata sifat ialah kata nama yang menggambarkan ciri-ciri kata nama sama ada yang berjisim atau tidak. Unsur-unsur asas kata sifat ialah kata nama yang berperanan sebagai benda yang disifatkan dan ciri yang dikaitkan dengan benda yang disifatkan tersebut.

3.2 Jenis-Jenis Kata Sifat Bahasa Arab

Kata sifat atau adjektif dalam bahasa Arab terbahagi kepada tiga jenis utama: Kata sifat dari sudut makna, kata sifat dari sudut lafaz dan kata sifat dari sudut derivasi.

3.2.1 Kata Sifat Dari Sudut Makna

Kata sifat dari sudut makna terbahagi kepada lima bentuk ; kata sifat *hakikiy*, kata sifat *sababiy*, kata sifat pengasas, kata sifat penguat dan kata sifat pendahuluan.

a) Kata Sifat *Hakikiy* (التُّعْتُ الْحَقِيقِي)

Menurut Abbas Hassan (1995 :Juzuk 3: 441) , kata sifat *hakikiy* ialah kata sifat yang menunjukkan makna bagi kata nama yang disifat(المنعوت).

Contoh: (1) نَكَدَ خَالِدٌ وَبُؤْسٌ مُقِيمٌ شِقَاءٌ يَجِدُ مِنْهُ شِقَاءٌ

Maknanya : *Kesusahan yang berkekalan dan kesengsaraan yang berlarutan merupakan penderitaan yang berterusan.*

Perkataan " خَالِدٌ " ialah kata sifat *hakikiy* dan " نَكَدَ " merupakan kata nama yang disifat (المنعوتُ) . Kata sifat di sini menerangkan makna kata nama yang disifat.

b) Kata Sifat *Sababiy* (التُّعْتُ السَّبَبِي)

Kata sifat *sababiy* ialah kata sifat yang memberi makna kepada kata nama yang mengikutinya. Kata nama tersebut pula mempunyai pertalian dengan kata nama yang mendahului kata sifat.

Contoh: (2) هَذَا قَتِي طَيِّبٌ أَصْلُهُ

Maksudnya: *Ini seorang pemuda yang baik keturunannya.*

Contoh (2) di atas menunjukkan perkatan (طَيْبٌ) adalah kata sifat *sababiy* yang merujuk kepada perkataan (أَصْلُهُ) yang mengikutinya. Ini disebabkan ia berada selepas kata sifat yang disebut isim zahir yang nominatif (الْمَرْفُوعُ) dengan sebab kata sifat. Kata nama tersebut berkait secara langsung dengan kata nama yang disifat (الْمَنْعُوتُ).

c) **Kata Sifat Pengasas (التَّعْتُ الْمَوْسَّسُ)**

Kata sifat pengasas merupakan kata sifat yang menunjukkan satu makna baru yang tidak boleh difahami di dalam ayat tanpa kehadirannya. (Abbas Hassan :1995 :3: 455).

Contoh : (3) رَأَيْتُ الْخَطِيبَ الشَّاعِرُ

Maksudnya : *Pemidato yang juga penyair itu telah mengagumkan saya.*

Perkataan (الشَّاعِرُ) merupakan kata sifat yang membawa makna baru yang boleh diketahui dengan menyebutnya.

d) **Kata Sifat Penguat (التَّعْتُ الْمَوْكَّدُ) .**

Kata sifat penguat adalah kata sifat yang menunjukkan satu makna yang boleh difahami daripada ayat walaupun tanpa pengwujudannya. Ini bermakna kehadiran kata sifat di sini tidak memberi makna yang baru tetapi berfungsi sebagai penguat (Abbas Hassan : 1995 :3:456).

Contoh : (4) اسْتَعِدُّوا مِنْ الْآنَ لِأَنَّ غَدًا الْقَادِمَ لَنْ يَتَوَقَّفَ

Maksudnya : *Bersiap sedialah dari sekarang kerana esok yang mendatang tidak akan berhenti.*

Contoh di atas menunjukkan perkataan (الْقَادِمَ) ialah kata sifat yang sudah difahami makna daripada perkataan (غَدًا) . Kata sifat ini dipanggil kata sifat penguat.

e) **Kata Sifat Pendahuluan (التَّغْتِ الْمَطْيَاءِ / التَّمْهِيدِ)**

Kata sifat pendahuluan ialah kata sifat yang terdiri daripada kata nama Jati

(الْاسْمُ الْحَامِدِ) yang tidak berfungsi sebagai kata sifat yang sebenar, tetapi ia berfungsi sebagai pendahuluan kata sifat daripada kata nama derivasi.
(الْاسْمُ الْمُشْتَقُّ) .

Contoh : (5) اسْتَعْنَتْ بِأَخٍ مُخْلِصٍ

Maksudnya : *Saya meminta pertolongan daripada sahabat yang ikhlas.*

Perkataan (أَخٍ) kedua yang terdapat di dalam contoh di atas merupakan kata sifat yang tidak berfungsi sebagai kata sifat yang sebenar, tetapi kata sifat yang dimaksudkan di sini ialah kata nama terbitan yang terletak selepasnya iaitu (مُخْلِصٍ) . (Abbas Hassan :1995:J3: 456).

3.2.2 Kata Sifat Dari Sudut Lafaz

Kata sifat dari segi lafaz terbahagi kepada tiga kategori :

- i. Kata sifat tunggal (التَّعْتُ الْمَفْرَدُ)
- ii. Kata sifat dengan ayat (التَّعْتُ بِالْجُمْلَةِ)
- iii. Kata sifat Separa ayat (التَّعْتُ بِشِبْهِ الْجُمْلَةِ)

3.2.2.1 Kata Sifat Tunggal

Kata sifat tunggal ialah kata sifat yang dibentuk dengan satu perkataan, walaupun dari segi makna, ia juga memberi makna dual atau jamak.

Contoh : (6) Kata sifat yang bermakna satu

يُشْرِفُ عَلَى بِنَاءِ الْعِمَارَةِ مُهَنْدِسٌ أَمِينٌ

Maksudnya: *Seorang jurutera yang amanah sedang menyelia pembinaan bangunan itu.*

Contoh : (7) Kata sifat yang memberi makna dual

يُشْرِفُ عَلَى بِنَاءِ الْعِمَارَةِ مُهَنْدِسَانِ أَمِينَانِ

Maksudnya : *Dua orang jurutera yang amanah itu sedang menyelia pembinaan bangunan itu.*

Contoh : (8) Kata sifat yang memberi makna jamak.

يُشْرِفُ عَلَى بِنَاءِ الْعِمَارَةِ مُهَنْدِسُونَ أَمِنَاءُ


Maksudnya: *Tiga orang jurutera yang amanah itu sedang*

menyelia pembinaan bangunan itu.

Kata nama tunggal terbahagi kepada dua bentuk ; kata nama terbitan dan kata nama terbitan takwil.


a) Kata nama tunggal terbitan mempunyai lima bentuk :

i. Kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ)




Maksudnya: *Ini seorang kaunselor yang menasihati pelanggannya.*

ii. Kata nama Objek (اسْمُ الْمَفْعُولِ)



Maksudnya: *murid yang terpuji akhlaknya menggembirakan saya.*


iii. Kata nama komparatif (اسْمُ التَّفْضِيلِ)



Maksudnya: *Saya lihat seorang lelaki yang lebih berani daripada singa*

- iv. Sifat yang menyerupai kata nama pelaku


Contoh : هَذَا فَائِزٌ فَرِحَ



Maksudnya : *Ini pemenang yang berjaya.*

- v. Kata nama bentuk superlatif (صِبْغَةُ الْمُبَالَغَةِ)

Contoh : طمأننتُ الرَّجُلَ الْقَلِقَ بَالَهُ



Maksudnya : *Saya mententeramkan lelaki yang gelisah hatinya.*

b) Kata Nama Terbitan Takwil

Kata sifat tunggal juga dapat dilihat daripada kata nama terbitan takwil samada ia berinfleksi (مُعْرَبٌ) atau tak infleksi (مَبْنِيٌّ).

Kata nama terbitan takwil berinfleksi adalah seperti berikut :

- i. Kata petunjuk bukan tempat seperti (هَذَا).

Contoh : اسْتَمِعْتُ إِلَى النَّاصِحِ هَذَا

Maksudnya : *Saya tumpukan pendengaran kepada penasihat yang ini.*

Perkataan (هَذَا) adalah kata sifat tunggal yang membawa maksud yang ditunjukkan kepadanya (الْمُشَارُ إِلَيْهِ).

ii. Kata petunjuk tempat seperti (هُنَا) .

Contoh : أَسْرَعَ الْحَيَّوَانُ إِلَى مَاءٍ هُنَا

Maksudnya ; *Binatang itu bersegera memuju ke arah air di sini.*

Perkataan (هُنَا) menjadi sifat dengan andaian wujudnya perkataan (مَوْجُودٌ) yang digugurkan.

iii. Kata Nama Penghubung (الْإِسْمُ الْمَوْصُولُ) .

Contoh : فَازَ الْمُرْشِحُ الَّذِي اجْتَهَدَ

Maksudnya : *Calon yang berusaha itu telah berjaya.*

Perkataan (الَّذِي) dalam ayat di atas adalah kata sifat. Frasa الَّذِي

(اجْتَهَدَ) boleh diandaikan maknanya sebagai

(صَاحِبُ الْجَهْدِ) . Oleh itu, ayat di atas boleh diandaikan seperti

berikut : " فَازَ الْمُرْشِحُ الْمُجْتَهِدُ " .

Maksudnya : *Saya tumpukan pendengaran kepada penasihat yang ini.*

Perkataan (هَذَا) adalah kata sifat tunggal yang membawa maksud yang ditunjukkan kepadanya (الْمُشَارُ إِلَيْهِ) .

ii. Kata petunjuk tempat seperti (هُنَا) .

Contoh : أَسْرَعَ الْحَيَّوَانُ إِلَى مَاءِ هُنَا

Maksudnya ; *Binatang itu bersegera menuju ke arah air di sini.*

Perkataan (هُنَا) menjadi sifat dengan andaian wujudnya perkataan (مَوْجُودٌ) yang digugurkan.

iii. Kata Nama Penghubung (الاسمُ المَوْصُولُ) .

Contoh : فَازَ الْمُرْشِحُ الَّذِي اجْتَهَدَ

Maksudnya : *Calon yang berusaha itu telah berjaya.*

Perkataan (الَّذِي) dalam ayat di atas adalah kata sifat. Frasa الَّذِي

(اجْتَهَدَ) boleh diandaikan maknanya sebagai

(صَاحِبُ الاجْتِهَادِ) . Oleh itu, ayat di atas boleh diandaikan seperti

berikut : " فَازَ الْمُرْشِحُ الْمُجْتَهِدُ " .

iv. Kata nama umum (اسم التَّكْرَةِ)

Contoh : سَأُرْحَلُ إِلَى مَكَانٍ مَا

Maksudnya: *Saya akan pergi ke mana - mana tempat.*

Perkataan (ما) di dalam ayat di atas merupakan kata nama umum

yang berada (مَحَلَّ جَرِّ نَعْتٍ) di tempat genetif kata sifat. Andaiannya

ialah: " سَأُرْحَلُ إِلَى مَكَانٍ مُّبْهِمٍ "

Manakala kata sifat takwilan mabniy pula adalah seperti berikut :

I. Bilangan (العَدَد)

Bilangan boleh menjadi kata sifat apabila penggunaannya untuk menegaskan salah satu fungsi kata sifat. (Abbas Hassan:1995:J3:462).

Contoh : قَرَأْتُ كِتَابًا سَبْعَةَ

Maksudnya : *Saya telah membaca tujuh buah buku.*

Perkataan tujuh merupakan kata sifat kepada kata nama yang disifat

iaitu (كِتَابًا)

II. Kata sifat pertalian (الصِّفَةُ الْمُنْسُوبَةُ)

Kata nama jamid (الاسمُ الجَامِدُ) yang merupakan pertalian dengan niat, boleh menjadi kata sifat. Bentuk kata sifat ini boleh berlaku dengan penambahan Ya Nasab (يَاءُ النَّسَبِ) di akhir kata nama.

Contoh : الطَّالِبُ رَجُلٌ مَالِيْرِيٌّ

Maksudnya : *Mahasiswa itu seorang lelaki Malaysia.*

Perkataan (مَالِيْرِيٌّ) merupakan kata sifat yang dibentuk dengan huruf

Ya nasab (يَاءُ النَّسَبِ) di akhir perkataan (مَالِيْرِيًّا)

III. Kata nama dimunitif (الاسمُ المُصَغَّرُ)

Kata nama dimunitif merupakan kata nama yang merujuk kepada aspek dimunitif pujian (المَدْحُ / التَّحِيْبُ) atau kejian (التَّحْقِيْرُ / الذَّمُّ) . Abbas

Hassan

(1995:J3: 460) mengatakan kata nama dimunitif boleh menjadi sifat kerana ia mengandungi sifat dari segi makna.

Contoh : هَذَا رَجُلٌ طُفِيْلٌ

Maksudnya : *Ini seorang lelaki yang bersifat keanak-anakan.*

IV. Kata nama jenis (اسمُ الجِنْسِ)

Contoh : هُوَ يُصَاحِبُ رَجُلًا أُسْدًا

Maksudnya : *Dia berkawan dnegan lelaki singa.*

Perkataan (أَسَدًا) adalah kata sifat yang membawa makna berani

(شَجَاعًا). Oleh itu makna ayat tersebut ialah ;

" هُوَ يُصَاحِبُ رَجُلًا شَجَاعًا " .

V. Kata Sumber (الْمَصْدَر)

Contoh : رَأَيْتُ فِي الْمَحْكَمَةِ قَاضِيًا عَدْلًا وَشُهُودًا صِدْقًا

Maksudnya : *Saya melihat hakim yang adil dan dan saksi-saksi yang benar di mahkamah.*

VI. Kata nama yang mempunyai (ذُرُّ) yang digabungkan dengan kata

nama , ganti nama atau ayat.

Contoh : زَيْدٌ طَالِبٌ ذُرُّ أَدَبٍ

Maksudnya : *Zaid seorang pelajar yang beradab.*

Perkataan (ذُرُّ) membawa makna yang mempunyai makna (صَاحِبٌ)

dan ayat bersamaan dengan ayat ini; زَيْدٌ طَالِبٌ صَاحِبٌ أَدَبٍ .

Perkataan (ذُرُّ) mestilah sama dengan kata nama yang disifat dari segi

fleksi, gender dan bilangan.

3.2.2.2 Kata Sifat Dengan Ayat (النَّعْتُ بِالْجُمْلَةِ)

Kata sifat dengan ayat dapat dibahagikan kepada kata sifat ayat namaan dan kata sifat ayat kerjaan.

i. Kata sifat ayat namaan (الْجُمْلَةُ الْاِسْمِيَّةُ)

Kata sifat jenis ini dimulakan dengan subjek (مُبْتَدَأٌ) dan diikuti oleh predikat (خَبَرٌ).

Contoh : قَطَعَ الرَّجُلُ شَجْرَةً ، أَغْصَانُهَا مُورِقَةٌ

Maksudnya : *Lelaki itu sedang menebang pokok yang dahannya berdaun.*

Ayat namaan (أَغْصَانُهَا مُورِقَةٌ) yang terdiri dari subjek dan predikat

menjadi kata sifat kepada kata nama yang disifat (شَجْرَةٌ)

ii. Kata sifat ayat kerjaan (الْجُمْلَةُ الْفِعْلِيَّةُ)

Kata sifat ayat kerjaan merupakan kata sifat yang terdiri daripada kata kerja (فَعْلٌ) dan pelaku (فَاعِلٌ).

Contoh : رَأَيْتُ وُلْدًا يَبْكِي

Maksudnya : *Saya lihat budak lelaki yang sedang menangis.*

Ayat kerjaan (يَنْكِي) terdiri dari kata kerja dan kata pelaku yang tersembunyi menjadi kata sifat kepada kata nama yang disifat (وَكِدًا)

3.2.2.3 Kata Sifat Separa Ayat (النَّعْتُ بِشِبْهِ الْجُمْلَةِ)

Kata sifat separa ayat terbahagi kepada tiga bentuk :

1. Partikel jarr dan genetif (حَرْفُ الْجَرِّ وَالْمَحْرُورِ)

Partikel jarr dan genetif merupakan separa ayat yang ada kaitan dengan kata yang digugurkan.

Contoh : سَكَنْتُ دَارًا عَلَى النَّهْرِ

Maksudnya : *Saya tinggal di rumah di atas sungai.*

Ayat ini boleh diandaikan seperti berikut :

سَكَنْتُ دَارًا صَغِيرًا عَلَى النَّهْرِ

Maksudnya : *Saya tinggal di rumah kecil di atas sungai*

Perkataan عَلَى النَّهْرِ dalam ayat ini mempunyai kaitan dengan kata yang

digugurkan daripada ayat tersebut iaitu صَغِيرًا .

2. Adverb yang menunjukkan masa (ظَرْفُ الزَّمَانِ)

Contoh : أَطْرَبَنِي صَوْتُ الْبَارِحَةِ

Maksudnya : *Satu suara telah menggembirakan saya malam tadi.*

Ayat ini boleh diandaikan seperti berikut :

أَطْرَبَنِي صَوْتُ (جَمِيلٍ) الْبَارِحَةِ

Maksudnya : *Satu suara yang merdu telah menggembirakan saya malam tadi.*

Andaian kata sifat yang digugurkan ialah perkataan **جَمِيلٌ** .

3. Adverb yang menunjukkan tempat (ظَرْفُ الْمَكَانِ)

Contoh : أَبْصَرْتُ نَجْمًا بَيْنَ السَّحَابِ

Maksudnya : *Saya melihat bintang di celah awan.*

Andaian sifat yang digugurkan ialah :

أَبْصَرْتُ نَجْمًا (مُنِيرًا) بَيْنَ السَّحَابِ

Maksudnya : *Saya melihat bintang (yang bercahaya) di celah awan.*

3.2.3 Kata Sifat Derivasi (الاشتقاق)

Kata sifat derivasi terbahagi kepada lima bentuk :

- a. Kata sifat daripada kata nama pelaku (اسْمُ الْفَاعِلِ) .

Kata nama pelaku adalah sifat yang diterbitkan daripada kata kerja kini atau kala depan. Ia boleh diambil daripada :

- i. Kata kerja dasar tiga suku kata (فِعْلٌ مُجَرَّدٌ ثَلَاثِيٌّ) .
- ii. Kata kerja dasar empat sukukata (فِعْلٌ مُجَرَّدٌ رُبَاعِيٌّ)
- iii. Kata kerja dasar berimbuan (فِعْلٌ مَزِيدٌ)

Contoh :

Wazan يُسْرِنِي الرَّجُلُ النَّاصِرُ الْفُقَرَاءَ : فَاعِلٍ

Maksudnya : *Lelaki yang suka menolong orang-orang fakir itu menggembirakan saya.*

Wazan الَلَّاعِبُ الْمُدْحَرَجُ الْكُرَّةَ هُوَ أَحْمَدُ : مُفْعَلٍ

Maksudnya : *Pemain yang sedang menendang bola itu adalah Ahmad.*

Wazan رَأَيْتُ صَاحِبَ الْبَيْتِ الْمَكْرَمِ ضَيْفَهُ : مُفْعَلٍ

Maksudnya : *Saya melihat tuan rumah yang melayani tetamunya.*

Wazan أَكْنَسُ الْوَرَقَ الْمُبْعَثِرَةَ : مُتَفَعِّلٍ

Maksudnya : *Saya menyapu kertas-kertas yang bertaburan itu.*

b. Kata sifat daripada kata nama objek (اسْمُ الْمَفْعُولِ) .

Kata nama objek merupakan sifat yang diterbitkan daripada kata kerja pasif kala kini atau kala depan untuk menunjukkan sesuatu yang kena laku. Ia boleh dibentuk daripada kata kerja dasar tiga atau empat suku kata atau kata kerja berimbuhan. Ia mempunyai beberapa wazan .

Contohnya :

Wazan وَالْيَوْمِ الْمَوْعُودِ (البروج : 2 : مَفْعُولٍ

Maksudnya : " *Dan hari yang dijanjikan* " (Al-Buruj : 2)

Wazan انكسرَ العودُ المزلزلُ : مُفْعَلٍ

Maksudnya : *Kayu yang digoncang itu telah terpatah.*

Wazan المُسْتَعَانُ عَلَى مَا تَصِفُونَ (يوسف: 18 : مُسْتَفْعَل)

Maksudnya : “ Dan Allah sahajalah yang dipohon pertolonganNya terhadap apa yang kamu ceritakan”. (Yusuf : 18)

Wazan مُفَعَّل : (وَمَا كَانَ لِنَفْسٍ أَنْ تَمُوتَ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ كِتَابًا مُؤَجَّلًا)

ال عمران: 145

Maksudnya : “ Sesuatu yang bernyawa tidak akan mati kecuali dengan izin Allah sebagai ketetapan yang telah ditentukan waktunya “. (Ali Imran : 145)

c. Kata sifat tabie (صِفَةٌ مُشَبَّهَةٌ).

Kata sifat yang menyerupai kata nama pelaku ialah lafaz yang dibentuk daripada kata sumber kepada kata kerja tak transitif atau مَصْدَرٌ فِعْلٌ لَائِمٌ untuk menunjukkan makna yang tetap. Ia terdiri daripada tiga bentuk wazan ; (. فَعْلٌ ، فَعْلٌ ، فَعْلٌ / فَعْلٌ)

Bab فَعْلٌ terbahagi kepada dua wazan :

i. Wazan أَفْعَلٌ / فَعْلَاءُ

Contoh : اشْتَرَيْتُ الْجَوَادَّ الْأَسْهَبَ لَوْنُهُ

Maksudnya: Saya membeli kuda yang berwarna kelabu itu.

Contoh : غَدَتِ الْمَرْأَةُ الدَّعْجَاءُ عَيْنَاهَا :

Maksudnya : *Perempuan yang bermata hitam dan besar itu telah keluar pada awal pagi tadi.*

ii. Wazan فَعْلَانُ / فَعْلَى

Contoh : الْوَلَدُ الْعَطْشَانُ شَرِبَ الْمَاءَ

Maksudnya : *Budak yang dahaga itu minum air.*

Contoh : سَقَيْتُ الْمَوَاشِيَ الْعَطْشَى

Maksudnya : *Saya memberi minum binatang ternakan yang dahaga.*

Bab فَعْلٌ terbahagi kepada lima wazan.

i. Wazan فَعْلٌ

Contoh : مَا أَقْبَحَ رَجُلًا حَسَنَ الْوَجْهِ حَيْثُ النَّفْسِ :

Maksudnya : *Alangkah buruknya lelaki yang tampan wajah tetapi busuk hatinya.*

ii. Wazan فُعْلٌ

Contoh : الطَّهَارَةُ مَفْرُوضَةٌ عَلَى كُلِّ شَخْصٍ حُنْبٍ

Maksudnya: *Bersuci diwajibkan ke atas setiap orang yang berjunub.*

iii. Wazan فَعَالٌ

Contoh : يَقُولُ رَجُلٌ شَجَاعٌ وَلَوْ كَانَ مَرًّا

Maksudnya : *Seorang lelaki yang berani akan berkata benar walaupun pahit.*

iv. Wazan فَعَالٌ

Contoh : لَا تُكُنْ رَجُلًا جَبَانًا

Maksudnya : *Jangan jadi lelaki yang penakut.*

v. Wazan فَعُولٌ

Contoh : اقْتَدِ بِعَاقِلٍ وَقُورٍ

Maksudnya : *Ikutilah orang bijak yang bersopan santun.*

Bab فَعْلٌ / فَعَلٌ lima wazan

i. Wazan فَعْلٌ

Contoh : دَخَلَ الرَّجُلُ السَّبْطُ شِعْرُهُ فِي الْإِدَارَةِ

Maksudnya: *Lelaki yang berambut lurus itu masuk ke pejabat.*

Contoh : الْفَيْلُ حَيَوَانٌ ضَخْمٌ جِسْمُهُ

Maksudnya : *Gajah sejenis binatang yang besar tubuhnya.*

ii. Wazan فِعْلٌ

Contoh : انْكَسَرَ الْإِنَاءُ الصَّفْرُ مِنْ الشَّرَابِ

Maksudnya : *Bekas yang kosong daripada minuman pecah.*

Contoh : فِي الرَّجَاحَةِ مَاءٌ عَذْبٌ

Maksudnya : *Air yang tawar di dalam botol itu*

iii. Wazan فُعْلٌ

Contoh : الذَّهَبُ الْحَرُّ قِيمَتُهُ غَالِيَةٌ

Maksudnya : *Emas yang tulen itu harganya mahal.*

Contoh : الْحَدِيدُ الصَّلْبُ ذُو مَرُوتَةٍ بِالْحَرَارَةِ

Maksudnya : *Besi yang keras itu boleh berkembang dengan kepanasan.*

iv. Wazan فَعِيلٌ

Contoh : الرَّجُلُ الْبَخِيلُ مَرْغُوبٌ عِنْدَهُ

Maksudnya : *Lelaki yang bakhil itu dibenci.*

Contoh : كُنْ رَجُلًا كَرِيمًا تُحْتَرَمُ

Maksudnya : *Jadilah seorang lelaki yang mulia, nescaya engkau dihormati.*

v. Wazan فَعَلٌ

Contoh : 26: سَيَعْلَمُونَ غَدًا مَنْ الْكَذَّابُ الْأَشْرُّ الْقَمَرِ

Maksudnya : “ Mereka akan mengetahui kelak siapa yang pendusta lagi sombong”. (Al-Qamar : 26)

Contoh : الشُّرْكُ بِاللَّهِ هُوَ الْعَمَلُ النَّجِسُ

Maksudnya : *Syirik kepada Allah adalah satu amalan kotor.*

d) Kata sifat daripada kata nama komparatif (اسْمُ التَّفْضِيلِ)

Kata sifat komparatif merupakan kata nama yang dibentuk daripada kata sumber yang menunjukkan bahawa dua perkara yang berkongsi sifat, tetapi salah satu daripadanya mengatasi yang satu lagi pada sifat tertentu. (al- Halawi :1965, dipetik daripada Rusdi Ariffin :1998:57). Kata sifat

jenis ini mempunyai dua wazan iaitu; فُعْلَى / فُعَلٌ .

Contoh : i. 24: رَفِيعَ عَذَابِهِ اللَّهُ الْعَذَابَ الْأَكْبَرَ الْغَاشِيَةَ

Maksudnya : “ Allah akan menyiksanya dengan azab yang besar (yang pedih). (Al- Ghasyiyah: 24).

Contoh : ii. 12: الَّذِي يَصَلِّي النَّارَ الْكُبْرَى (الأعلى)

Maksudnya : “ (yaitu) orang yang akan memasuki api yang besar (neraka). (Al- Aa’lā:12).

e) Kata sifat daripada kata nama bentuk superlatif (صِيغَةُ الْمُبَالَغَةِ)

Kata nama bentuk superlatif merupakan kata nama yang diubah bentuknya daripada kata bentuk kata nama pelaku untuk tujuan menunjukkan darjat tertinggi atau banyak. Kata jenis ini terdapat dalam lima wazan.

i. فَعَالٌ Wazan

Contoh : الْحَاكِمُ الْقَوَامُ بِالْقِسْطِ لَا يَنْحَرِفُ عَنِ الْحُقُوقِ

Maksudnya : *Hakim yang sentiasa menegakkan keadilan tidak akan menyeleweng daripada undang-undang.*

ii. مَفْعَالٌ Wazan

Contoh : الرَّجُلُ الْمَفْرَاحُ يَشْكُرُ اللَّهَ

Maksudnya : *Lelaki yang sangat gembira itu bersyukur kepada Allah.*

iii. فَعُولٌ Wazan

Contoh : وَرَبُّكَ الْعَفُورُ ذُو الرَّحْمَةِ (الكهف: 58)

Maksudnya : “ Dan Tuhanmulah Yang Maha Pengampun lagi mempunyai rahmat”. (Al- Kahfi :58).

iv. Wazan فَعِيلٌ

Contoh : 32 (إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ الْحَكِيمُ) البقرة: 32

Maksudnya : “ Sesungguhnya Engkau adalah Yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana “ . (Al- Baqarah: 32).

v. Wazan فَعِلٌ

Contoh : اجْتَذَبَ الْخَطِيبُ الْمُسْتَمْعِينَ بِلسَانِهِ الذَّرْبِ

Maksudnya : *Pemidato itu menarik perhatian para pendengar dengan lidahnya yang tajam.*

3.3 Ciri- Ciri Kata Sifat Bahasa Arab

3.3.1 Persamaan Gender.

Terdapat perbezaan di antara sifat *hakikiy* dan kata sifat *sababiy*. Kata sifat *hakikiy* mestilah sama dengan kata nama yang disifat dari segi maskulin dan feminin, sedangkan kata sifat *sababiy* pula mempunyai persamaan dengan perkataan yang selepas kata sifat dari segi maskulin dan feminin. Contoh persamaan kata sifat dan kata nama yang disifat untuk kata sifat *hakikiy* dari segi gender adalah seperti berikut :

Maskulin : إِنْ تَمْرَضُ فَادْهَبْ إِلَى الطَّبِيبِ الْمَاهِرِ

Maksudnya : *Sekiranya awak sakit, maka pergilah (berjumpa) kepada doktor lelaki yang mahir.*

Feminin : إِنْ تَمْرَضِي فَادْهَبِي إِلَى الطَّبِيبَةِ الْمَاهِرَةِ

Maksudnya : *Sekiranya awak sakit, maka pergilah (berjumpa) doktor perempuan yang mahir.*

Contoh persamaan kata sifat *sababiy* dengan perkataan yang selepas kata sifat adalah :

Maskulin : هَذِهِ الْفَتَاةُ طَيِّبٌ أَصْلُهَا

Maksudnya : *Pemudi ini baik keturunannya.*

Feminin : وَصَلَ الْعَامِلُ السَّرِيعَةُ سَيَّارَتُهُ

Maksudnya : *Pekerja yang laju keretanya telah tiba.*

3.3.2 Persamaan I'rab

Semua kata sifat mesti menyamai kata nama kena sifat dari segi posisi i'rab iaitu nominatif (الرَّفْعُ) , akusatif (النَّصْبُ) dan genetif (الْجَرُّ) .

i. Persamaan I'rab dari segi nominatif :

Contoh : مُحَمَّدٌ مُعَلِّمٌ مُجْتَهِدٌ

Maksudnya : *Muhammad seorang guru yang rajin.*

هَذَا طَالِبٌ كَرِيمٌ أَبُوهُ

Maksudnya : *Ini seorang pelajar yang mulia bapanya.*

ii. Persamaan I'rab dari segi akusatif :

Contoh : أَحِبُّ الْمُعَلِّمَ الْمَاهِرَ

Maksudnya : *Saya menyukai guru yang mahir*

اشْتَرَيْتُ الْكِتَابَ الرَّخِيسَ ثَمَنَهُ

Maksudnya : *Saya membeli buku yang murah harganya.*

iii. Persamaan I'rab dari segi genitif :

Contoh : فِي الْمَنْزِلِ الْوَاسِعِ رَجُلٌ

Maksudnya : *Seorang lelaki berada di dalam rumah yang luas itu.*

تَحَوَّلْتُ فِي الْمَدِينَةِ الْوَاسِعَةِ شَوَارِعُهَا

Maksudnya : *Saya bersiar-siar di bandar yang luas jalanraya-jalanrayanya.*

iv. Persamaan di tempat nominatif .

Contoh : فَازَ التَّلْمِيذُ الَّذِي اجْتَهَدَ

Maksudnya : *Pelajar yang bersungguh-sungguh itu telah berjaya.*

هَذَا خَطِيبٌ كَلَامُهُ فَصِيحٌ

Maksudnya : *Pemidato ini percakapannya fasih.*

يُوسُفُ تَاجِرٌ يَصِدِّقُ فِي كَلَامِهِ

Maksudnya : Yusuf seorang peniaga yang bercakap benar.

v. Persamaan di tempat akusatif

Contoh : رَأَيْتُ عُصْفُورًا جَنَاحَهُ مُنْكَسِرٌ

Maksudnya : Saya melihat seekor burung yang patah sayapnya.

رَأَيْتُ وَلَدًا يَبْكِي

Maksudnya : Saya melihat seorang kanak-kanak yang sedang menungis.

اسْتَقْبَلْتُ رَجُلًا فِي سَيَّارَتِهِ

Maksudnya : Saya menyambut seorang lelaki yang berada di dalam keretanya.

vi. Persamaan di tempat genetif

Contoh : عَجِبْتُ مِنَ الْأَمْرِ هَذَا

Maksudnya : Saya terpegun dengan perkara ini.

عَطَفْتُ عَلَى مَنْكُوبٍ رِجْلُهُ مَقْطُوعٌ

Maksudnya : Saya bersimpati terhadap si tempang yang kakinya dipotong.

نَظَرْتُ إِلَى الْمُدْرَبِ يَقُومُ

Maksudnya : Saya memandang jurulatih yang sedang berdiri.

Mustafa al-Ghalāyīniy (1987). *Jami' al-Durūs al-'Arabiyyat*. Beirut : Maktabat al-'Asriyyat,

Nik Safiah Karim (2003). *Tatabahasa Dewan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Hajar Hj. Abdul. Aziz (1996). *Tatabahasa Bahasa Melayu (Perkataan)*. Kuala Lumpur : Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.

(B) Tesis dan kajian ilmiah

Abdalla, Adil El-Sheikh (1997). *An Error Analysis of The Written Arabic of Malay Students*. Tesis Ph.D Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya.

Alicio, Atilio V (1996). *Contrastive Analysis & Erros Analysis: The Verbal System of Malay & Spanish*. Tesis Ph.D. Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya.

Ashinida Aladdin (1998). *Kekeliruan antara al-Idhafat dan al-Na'at di kalangan pelajar Melayu*. Tesis M.A. Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya.

Chia, Teh Heng (1999). *Ayat Tanya dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Cina: Satu analisis kontrastif*. Tesis M.A. Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya.

Haded, Mohd. Said Salem (1997). *Contrastive analysis and error analysis the verbal system of Arabic & English*. Tesis Ph.D Fakluti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya.

Lim Miao Chin (1999). *Analisis Kontrastif Sistem Fonologi Bahasa Melayu dan Bahasa Portugis*. Tesis M.A. Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya.

Mat Taib bin Pa (1996) . *Dirāsāt Taqābuliyyat Baina al-Lughatain al-'Arabiyyat wa al-Māliziyyat 'alā Mustawā al-Murakkabat al-Ismiyyat wa al-Wasfiyyat wa al-Fi'iyyat*. Tesis M.A. Universiti Jordan.

Muhd. Zin bin Mahmud Ismail (1994). *Al-Nizām al-Nahwīy Fī al-Lughat al-'Arabiyyat wa al-Māliziyyat, Dirāsāt fī Al-Taḥlīl al-Taqābuliy* . Tesis Ph.D Universiti Iskandariah.

Roshidah Hassan (1997). *Analisis Kontrastif Kata Gantinama Diri Bahasa Melayu dan Bahasa Peranchis*. Tesis M.A. Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya.

Rusdi Ariffin (1998). *Satu Kajian Kesilapan Penggunaan Kata Sifat Bahasa Arab di kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama*. Tesis M.A. Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya.

Soh Bee Kwee (1996). *Frasa Nama Bahasa Melayu dan Bahasa Mandarin : Satu Analisis Kontrastif dan Analisis Kesilapan*. Tesis M.A. Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya.

Wanphen Srivaksasek (1998). *Analisis Kontrastif Kata Depan Bahasa Melayu dan Bahasa Thai*. Tesis Ph.D. Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya.

c. Kata nama yang disifat kepada tamyiz tunggal kepada bilangan bergabung, bilangan berpasangan dan bilangan ikatan. Dalam keadaan ini kata sifat harus berbentuk tunggal atau jamak.

- هُنَا خَمْسَةٌ عَشْرَ رَجُلًا عَالِمًا
- هُنَا خَمْسَةٌ عَشْرَ رَجُلًا عُلَمَاءَ

Maksudnya : Di sini terdapat lima belas orang lelaki yang berilmu.

- اشْتَرَكْتَ ثَلَاثَةً وَعِشْرُونَ كَاتِبًا مَاهِرًا فِي الْمُسَابَقَةِ
- اشْتَرَكْتَ ثَلَاثَةً وَعِشْرُونَ كَاتِبِينَ مَاهِرِينَ فِي الْمُسَابَقَةِ

Maksudnya : Dua puluh tiga orang penulis yang mahir telah menyertai pertandingan tersebut.

- فِي الْفَصْلِ عِشْرُونَ طَالِبًا ذَكِيًّا
- فِي الْفَصْلِ عِشْرُونَ طَالِبًا أَذْكِيَاءَ

Maksudnya : Di dalam kelas terdapat dua puluh orang pelajar yang cerdas.

Manakala kata sifat *sababiy* wajib berbentuk tunggal walaupun kata nama yang disifat itu jamak seperti mana penunggalan kata kerja yang boleh diletakkan di tempat sifat. Contohnya :

- هُوَلَاءُ طُلَّابٌ عَاقَلَةٌ أُمَّهَاتُهُمْ
- هُوَلَاءُ طُلَّابٌ عَقَلْتُ أُمَّهَاتُهُمْ

Kedua-dua ayat tersebut membawa maksud “ *Pelajar-pelajar lelaki itu, ibu mereka orang yang berakal.*”

Andaikata penyebab kata sifat *sababiy* berbentuk jamak taksir, maka kata sifat *sababiy* harus berbentuk jamak atau kata tunggal. Contohnya :

- هُوَلَاءُ رُفَقَاءُ كَرَامٍ آبَاؤُهُمْ
- هُوَلَاءُ رُفَقَاءُ كَرِيمٍ آبَاؤُهُمْ

Kedua-dua ayat di atas membawa maksud : *Kawan-kawan itu, bapa-bapa mereka adalah orang-orang yang pemurah.*

3.4 Penutup

Sebagai kesimpulannya, KA *hakikiy* atau kata nama sifat *hakikiy* BA menyamai kata nama yang disifat sama ada dari segi gender ; maskulin dan feminin, dari segi bilangan ; penunggalan, pendualan atau penjamakan dan dari segi *irab* ; indifinit dan difinit. Manakala kata sifat *sababiy* wajib berbentuk kata nama tunggal, kecuali penyebabnya adalah jamak *taksir*, maka kata sifat *sababiy* itu harus berbentuk kata nama jamak atau kata nama tunggal. KA dalam BA juga tergolong dalam kata nama dan bukanlah satu unit morfologi yang tersendiri dan ia berfungsi sebagai kata penerangan kepada kata nama.